

D680

R B264 AAB  
MAHATHIR - JEPUN

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI JEPUN ENCIC YASUHIRO NAKASONE MEMBERI JAMINAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA CADANGAN-CADANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BAGAIMANA KERAJAAN DAN PENGUSAHA JEPUN DAPAT MEMBANTU MEMULIHKAN KEMELESETAN EKONOMI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERDANA MENTERI JEPUN ITU AKAN MENGARAHKAN MENTERI-MENTERI DAN PARA PEGAWAI KERAJAANNYA SUPAYA MEMBINCANGKAN CADANGAN-CADANGAN ITU SECARA MENDALAM.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DEMIKIAN SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DARI TOKYO, DI MANA BELIAU SINGGAH DALAM PERJALANAN PULANG DARI NEW YORK KERANA MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA ENCIC NAKASONE MEMBERI JAMINAN ITU DALAM SATU PERBINCANGAN ANTARA BELIAU DENGAN PERDANA MENTERI JEPUN ITU PADA JAMUAN TENGAH HARI SEMALAM, DI TOKYO.

PERBINCANGAN DENGAN ENCIC NAKASONE ITU BERTUMPU KEPADA SOAL-SOAL PERDAGANGAN MALAYSIA-JEPUN DAN PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH KERAJAAN JEPUN SERTA PARA PENGUSAHA DAN PENIAGANYA DALAM MEMULIHKAN EKONOMI MALAYSIA.

+SAYA DAPATI BAHAWA ENCIC NAKASONE BERSIMPATI DENGAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA,+ KATA BELIAU. -- LAGI  
0120MST 06 10 86

D685

U B267 AAB  
MAHATHIR - JEPUN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN APAKAH CADANGAN-CADANGAN YANG TELAH BELIAU KEMUKAKAN KEPADA ENCIC NAKASONE UNTUK MEMBANTU MEMULIHKAN EKONOMI MALAYSIA.

+SELAIN DARIPADA MEMINTA LEBIH BANYAK PELABURAN JEPUN KE NEGARA INI, MASANYA BELUM TIBA UNTUK SAYA MENYATAKAN APAKAH CADANGAN-CADANGAN ITU.

CADANGAN-CADANGAN ITU MERUPAKAN CADANGAN AWALAN DAN ELOKLAH DIRAHSIAKAN DAHULU CADANGAN-CADANGAN ITU,+ TAMBAH BELIAU.

BAGAIMANAPUN, MENURUT LAPORAN YANG MEMETIK SUMBER-SUMBER KERAJAAN DARI TOKYO BERKATA DATUK DR MAHATHIR MEMINTA ENCIC NAKASONE MENGENDURKAN SYARAT-SYARAT PINJAMAN YEN.

SEMASA DI NEW YORK, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERTEMU DENGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN TERMASUK PERDANA MENTERI ZIMBABWE ENCIC ROBERT MUGABE DAN SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT ENCIC GEORGE SHULTZ.

BELIAU MENYIFATKAN PERJUMPAAN BELIAU DENGAN PARA PEMIMPIN ITU SEBAGAI BERHASIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG BERADA DI LUAR NEGERI SELAMA 11 HARI, TIBA PADA PUKUL 12 TENGAH MALAM DAN DISAMBUK OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIC GHAFAR BABA SERTA BEBERAPA ORANG MENTERI. --  
BERNAMA

0143MST 06 10 86